

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

HGG 351 - Perancangan Pembangunan Wilayah

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja.

1. [i] Jelaskan andaian-andaian penting model berasaskan teknologi dalam teori pembangunan wilayah.
[10 markah]
- [ii] Sejauhmana perubahan teknologi relevan dalam menawarkan alat dasar alternatif pengwujudan inovasi di peringkat wilayah.
[15 markah]
2. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, bincangkan keberkaitan di antara sektor asas dan sektor bukan asas dalam proses pertumbuhan ekonomi di peringkat wilayah?
[25 markah]
3. [i] Huraikan pola pengagihan sumber buruh yang terdapat di negara anda.
[10 markah]
- [ii] Sejauhmanakah ketidaksamarataan pembangunan wilayah berpunca dari pola pengagihan sumber buruh tersebut?
[15 markah]
4. [i] Jelaskan peralihan penekanan strategi pembangunan wilayah di Malaysia pada tahun 1990an.
[10 markah]
- [ii] Sejauhmana kerjasama ekonomi sub-wilayah ASEAN boleh dianggap sebagai pendekatan baru dalam strategi pembangunan wilayah di Malaysia.
[15 markah]

.../2

5. Merujuk kepada model dan teori pembangunan wilayah yang telah anda pelajari bincangkan implikasi krisis ekonomi dunia mutakhir terhadap strategi pembangunan wilayah di negara anda.

[25 markah]

6. Merujuk kepada pengalaman negara-negara Barat dalam mengaplikasikan konsep Industri Kecil Sederhana (IKS) bincangkan beberapa pengajaran bagi Malaysia dalam usahanya untuk merangsang pertumbuhan IKS yang bersifat inovatif di kawasan wilayah mundur.

[25 markah]

7. [i] Huraikan dua topik utama yang lazim diambil kira dalam sebarang kerangka analisis intra wilayah.

[10 markah]

- [ii] Merujuk kepada satu daripada topik-topik tersebut, bincangkan persoalan-persoalan yang berkaitan dengannya dalam analisis intra wilayah.

[15 markah]

8. [i] Huraikan satu kaedah berdasarkan analisis fungsi sistem petempatan untuk menghasilkan sistem petempatan wilayah.

[15 markah]

- [ii] Bincangkan kebergunaan maklumat daripada analisis fungsi sistem petempatan kepada analisis intra wilayah.

[10 markah]

- oo000oo -